



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wang RM1.03 juta lesap dalam 14 hari, warga emas gigit jari Language: Malay
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 23 September 2021 Page: 8

Wang RM1.03 juta lesap dalam 14 hari, warga emas gigit jari

JOHOR BAHRU – Seorang wanita warga emas kerugian lebih RM1 juta selepas menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya menerima laporan daripada mangsa yang berusia 69

tahun kelmarin.

Katanya, warga emas itu dihubungi seorang lelaki yang mendakwa pegawai LHDN dan memaklumkan mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram pada awal bulan ini.

"Panggilan telefon kemudian disambungkan kepada seorang lagi lelaki yang mendakwa pegawai polis bernama Mr. Yong.



AYOB KHAN

"Mangsa yang takut mengikut arahan supaya membuka akaun bank dan memberikan nombor kad kepada suspek," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, wang simpanan wanita itu berjumlah RM1,032,513.65 telah dipindahkan ke dalam akaun baharu sejak 3 September hingga 17 September lalu.

Tambah Ayob Khan, mangsa hanya menyedari ditipu selepas semakan terhadap akaun bank mendapati kesemua wang simpanannya sudah lesap.

Beliau turut mengingatkan orang ramai agar lebih berhati-hati dan peka dengan trend jenayah, terutamanya yang berkaitan dengan pemindahan wang secara dalam talian.